



**AGRO
BANK**

SOALAN-SOALAN LAZIM

WHOLESALE AND RETAILER PROGRAM

No.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah yang dimaksudkan dengan Program Wholesaler and Retailer ('Program')?	Program Wholesaler and Retailer ialah Program yang menawarkan kemudahan pembiayaan kepada pemborong dan peruncit yang merupakan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk menggunakan kemudahan overdraf yang patuh Syariah bagi membiayai keperluan pembelian modal kerja dengan pemborong atau pembekal. Penggunaan kemudahan adalah tertakluk kepada had yang telah diluluskan oleh Bank.
2.	Siapakah yang layak memohon kemudahan pembiayaan di bawah Program ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Perusahaan mikro atau Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia dengan pemilikan saham sekurang-kurangnya 51% oleh warganegara Malaysia. • Aktiviti perniagaan telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan dan dibuktikan dengan dokumen berkaitan seperti surat perjanjian sewa atau transaksi perniagaan atau pendaftaran perniagaan atau apa apa dokumen yang relevan yang dipohon oleh pihak Bank. • Pemilik/rakan kongsi/pengarah/pemegang saham) mestilah berumur diantara 18 – 60 tahun semasa permohonan atau 1 (satu) daripada rakan kongsi/pengarah berumur di antara 18 – 60 tahun semasa permohonan; • Tidak disenaraihitamkan dalam Senarai Pantau AMLA/CFT atau sebarang carian berkaitan. • Tiada rekod CTOS atau sebarang maklumat yang menunjukkan tindakan undang-undang masih berkuat kuasa ke atas pemohon • Aktiviti perniagaan mestilah patuh Syariah. • Mempunyai akaun simpanan atau akaun semasa dengan Bank.
3.	Bagaimanakah permohonan pembiayaan boleh dilakukan?	Para pemohon dinasihatkan untuk membuat permohonan pembiayaan di mana-mana cawangan Agrobank yang berhampiran dengan lokasi perniagaan pemohon.
4.	Apakah jenis produk pembiayaan yang ditawarkan?	Agro Cash Line - i kemudahan overdraf yang patuh Syariah bagi membiayai perniagaan yang berasaskan pertanian dan industri asas tani melalui Akaun AgroPerdana-i.
5.	Berapakah jumlah kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	<p>I. Minimum : RM 5,000*</p> <p>II. Maksimum : RM 20,000*</p>

*Tertakluk kepada Terma dan Syarat



**AGRO
BANK**

SOALAN-SOALAN LAZIM

PROGRAM WHOLESALER AND RETAILER

No.	Soalan	Jawapan
6.	Berapakah kadar keuntungan yang terpakai ke atas pelanggan bagi kemudahan pembiayaan yang ditawarkan?	<p>I. Kadar keuntungan dikenakan pada kadar 5.5%* setahun</p> <p>II. Pengiraan keuntungan dikira berdasarkan baki kemudahan yang dikeluarkan.</p>
7	Apakah skop pembiayaan di bawah Program ini?	Untuk membiayai perbelanjaan modal kerja (OPEX) di sepanjang rantaian nilai agromakanan.
8.	Berapakah tempoh kemudahan pembiayaan dibawah Program ini?	Sehingga 60 bulan (5 Tahun)*
9.	Adakah fi & lain-lain kos dikenakan kepada pelanggan berhubung kemudahan pembiayaan ini?	Fi dan kos yang melibatkan penyempurnaan suratcara pembiayaan seperti sumbangan takaful kredit, duti setem dan lain-lain kos yang berkaitan adalah ditanggung oleh pelanggan. Bagi tujuan di atas, pelanggan adalah dibenarkan untuk membuat pembayaran melalui wang kemudahan pembiayaan semasa proses pengeluaran wang kemudahan pembiayaan dilaksanakan.
10.	Adakah cagaran diperlukan?	Tiada cagaran yang diperlukan oleh pihak Bank
11.	Bagaimanakah kaedah pembiayaan disalurkan?	<p>I. Kemudahan yang telah diluluskan disediakan oleh Bank ke dalam Akaun AgroPerdana-i Cash Line Card Bersama pelanggan dengan Bank</p> <p>II. Kemudahan kad ini hanya boleh digunakan untuk fungsi <i>tapping and waving</i> sahaja di tempat yang ditetapkan oleh pihak Bank.</p>
12.	Dimanakah kemudahan ini boleh digunakan?	<p>I. Kemudahan ini tersedia di tempat yang ditetapkan oleh pihak Bank sahaja.</p> <p>II. Bagi fasa pertama program ini, kemudahan ini hanya tersedia di Mydin Tunjong Hypermarket sahaja.</p>
13.	Berapa lamakah masa yang diambil untuk memproses dokumen permohonan?	14 hari waktu bekerja selepas permohonan lengkap diterima.

*Tertakluk kepada Terma dan Syarat



**AGRO
BANK**

**SOALAN-SOALAN LAZIM
WHOLESALE AND RETAILER**

No.	Soalan	Jawapan
14.	Bagaimanakah kaedah pembayaran kemudahan pembiayaan?	Membuat bayaran minimum bulanan dan membayar baki harga jualan sebelum atau pada tarikh matang
15.	Bagaimanakah cara bayaran kemudahan pembiayaan ini perlu dilakukan?	Secara ansuran bulanan (minimum) melalui mana-mana saluran berikut; <ul style="list-style-type: none">• Mesin Deposit tunai (CDM);• (<i>Automated Teller Machine</i> (ATM) atau melalui perbankan internet;• Melalui kaunter mana-mana cawangan Agrobank.
16.	Dimanakah saya boleh mendapatkan keterangan lanjut dan borang permohonan?	Pemohon boleh menghubungi pihak Bank melalui medium seperti di bawah. <ul style="list-style-type: none">• Pusat Panggilan Agrobank di talian 1-300-88-2476;• Layari laman sesawang rasmi Agrobank www.agrobank.com.my ;• Kunjungi cawangan Agrobank yang berdekatan;• Layari media sosial rasmi Agrobank iaitu Facebook, Instagram, Twitter.